Rujukan : UKM BEN/224/8 JLd. 12
Tarikh : 28 Mac 2016

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2016**

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia, dan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

Y. Bhg. Prof.Ulung/Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERATURAN MENGADAKAN JAMUAN UNIVERSITI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menyemak semula kadar jamuan yang sedang berkuatkuasa dengan mengambilkira keperluan dan hasrat Universiti dalam menyokong aktiviti penjanaan pendapatan di samping mengoptimumkan perbelanjaan.

**LATAR BELAKANG**

2. Jabatan Bendahari mendapati perlunya perubahan kadar-kadar harga jamuan disebabkan oleh faktor-faktor berikut;

a. Kenaikan harga barangan dan kos penyediaan makanan oleh pihak katerer
b. Kadar yang sedia ada tidak sesuai untuk diguna pakai bagi aktiviti penjanaa Universiti
c. Terdapat banyak permohonan bagi jamuan yang melebihi kadar-kadar yang telah ditetapkan sebelum ini

3. Pekeliling ini juga menjelaskan kadar tempahan jamuan bagi penganjuran majlis/ acara Universiti sahaja.

**PELAKSANAAN**

4. Jabatan Bendahari akan memperkenalkan beberapa konsep penting dalam penentuan kadar jamuan seperti di Lampiran A. Konsep yang diperkenalkan adalah seperti;

d. Tiada jamuan disediakan bagi mesyuarat yang kurang dari 1 jam.

e. Jamuan berkonsepkan '*self-cater*' iaitu, PTj boleh menyediakan sendiri jamuan ringan.

f. Konsep kadar siling atau kadar maksimum jamuan mengikut kategori-kategori tertentu.

g. Kadar yang lebih fleksibel dan kompetitif bagi jamuan aktiviti penjanaan tertakluk kepada keupayaan penjanaan pendapatan

5. PTj harus sentiasa memastikan;

a. Kelulusan tempahan jamuan adalah tertakluk kepada kadar sepertimana di Lampiran A dan had kuasa melulus pesanan yang telah ditetapkan

b. Tiada pembaziran dalam tempahan jamuan yang dibuat.

c. Tiada tambahan peruntukan diberi sekiranya peruntukan telah habis digunakan

d. Mematuhi peraturan pemberi dana penyelidikan

e. Penyediaan jamuan oleh katerer menepati protokol majlis/ acara yang dijalankan

6. Jabatan Bendahari tidak akan melayan permohonan melebihi kadar yang telah ditetapkan sepertimana di Lampiran A. Sekiranya masih terdapat tempahan jamuan yang melebihi kadar, ianya akan dibiayai oleh Ketua/ Pegawai PTj yang meluluskan tempahan tersebut.

7. Bagi majlis/ acara rasmi Universiti, kadar tempahan jamuan adalah tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa penganjur dan kelulusan dari Pengarah Eksekutif Kewangan/ Ketua Jabatan Kewangan, PPUKM. Permohonan kelulusan perlulah dibuat selewat-lewatnya dua minggu sebelum majlis/ acara berlangsung.

8. Penganjuran Seminar/ Bengkel/ Sanggar Kerja/ Kursus atau lain-lain program latihan yang dianjurkan di luar kampus masih tertakluk kepada Pekeliling Bendahari Bil. 03/2012 Kadar Kelayakan Pakej Hotel dan Kadar Keraian Pensyarah/ Profesor Pelawat serta Pekeliling Bendahari Bil. 13/2012 Tatacara Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej.


JABATAN BENDAHARI
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: http://www.ukm.my
Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities* www.ukm.my

**PENGUATKUASAAN**

9. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai **1 April 2016.**

10. Pemantauan dan pelaksanaan kadar jamuan yang telah berkuatkuasa ini akan sentiasa disemak oleh Unit Penguatkuasaan, Jabatan Bendahari dan Unit Audit Dalam dari semasa ke semasa.

**PEMBATALAN**

Dengan berkuat kuasanya pekeliling ini, maka Pekeliling Bendahari Bil. 3/2014 Pelarasan Kadar Jamuan Universiti adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

***"Akauntabiliti Pegangan Kita"***

Yang benar,

**KHALIJAH HJ. BAKAR**
Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), PPUKM

**LAMPIRAN A**

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**KADAR HARGA JAMUAN UNTUK MAJLIS/ ACARA UNIVERSITI**

<table>
<tr><th>BIL</th><th>KATEGORI</th><th>PENGKELASAN JAMUAN</th><th>KADAR & SYARAT<br>(RM)</th></tr>
<tr><td rowspan="2">1.</td><td rowspan="2">Mesyuarat<br>• Mesyuarat diadakan di dalam kampus<br>• Tempahan dibuat melalui perkhidmatan katerer</td><td>• Mesyuarat dalaman melibatkan warga kampus sahaja<br>Contoh;<br>- Temuduga<br>- Jawatankuasa pemilihan sebutharga/ tender<br><br>• Mesyuarat melibatkan jemputan luar (bukan warga universiti)<br>Contoh;<br>- Mesyuarat pembukaan Audit oleh SIRIM/ Audit Negara<br>- Mesyuarat Tender</td><td><table><tr><td>Pagi</td><td>RM 2.50</td></tr><tr><td>Tengahari</td><td>RM 5.00</td></tr><tr><td>Petang</td><td>RM 2.50</td></tr></table>• Jamuan secara 'self-cater' adalah digalakkan<br>• Tiada jamuan disediakan bagi mesyuarat yang kurang dari 1 jam.<br>• Tempahan jamuan tengahari adalah dibenarkan sekiranya mesyuarat melebihi jam 12.30 tengahari.</td></tr>
<tr><td>• Mesyuarat bersama pihak luar berkaitan aktiviti penjanaan atau endowmen.<br>Contoh;<br>- Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen MPOB</td><td><table><tr><td>Pagi</td><td>RM 5.00</td></tr><tr><td>Tengahari</td><td>RM 10.00</td></tr><tr><td>Petang</td><td>RM 3.50</td></tr></table></td></tr>
<tr><td rowspan="2">2.</td><td rowspan="2">Mengadakan Seminar / Bengkel / Kursus/ Lawatan/ Aktiviti Pelajar/ Penyelidikan (Dalam Kampus Bangi/ KL/ Cheras)<br>• Penganjuran majlis/ acara dijalankan dengan menggunakan prasarana di dalam kampus seperti bilik/ dewan kuliah/ mesyuarat/ seminar PTj<br>• Tempahan dibuat melalui perkhidmatan katerer</td><td>• Peserta terdiri daripada kakitangan/ pelajar dalam dan luar (bukan warga universiti) yang dibiayai oleh peruntukan universiti/ PTj.<br>Contoh;<br>- Taklimat kepada pelajar baru<br>- Lawatan khas dari luar seperti Lawatan dari Sekolah/ Universiti luar<br>- Mengawas peperiksaan<br>- Jamuan petugas bagi majlis/ acara yang dianjurkan PTj</td><td><table><tr><td>Pagi</td><td>RM 5.00</td></tr><tr><td>Tengahari</td><td>RM 10.00</td></tr><tr><td>Petang</td><td>RM 5.00</td></tr><tr><td>Malam</td><td>RM 10.00</td></tr></table>Atau,<br>Pakej sehari (maksimum):<table><tr><td>Pagi - petang</td><td>RM 20.00</td></tr><tr><td>Pagi - malam</td><td>RM 30.00</td></tr></table>Tempahan bagi minum malam 'supper' adalah tidak dibenarkan</td></tr>
<tr><td>• Peserta terdiri daripada kakitangan/ pelajar dari dalam dan luar (bukan warga universiti) yang dibiayai</td><td>Pagi RM 5.00<br>Tengahari RM 15.00<br>Petang RM 5.00</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | melalui pendapatan yang dijana (yuran dan sumbangan yang diterima dari pihak luar)<br>- Penggunaan geran penyelidikan adalah tertakluk kepada peraturan pemberi dana. | Malam RM 15.00<br><br>**Atau,**<br>Pakej sehari (maksimum):<br>Pagi - petang RM 25.00<br>Pagi - malam RM 40.00<br><br>Tempahan bagi minum malam '*supper*' adalah tidak dibenarkan |
| **3.** | **Mengadakan Seminar / Bengkel / Kursus / Aktiviti Pelajar/ Penyelidikan (Luar Kampus termasuk Pusat Latihan dan Makmal Alami UKM)**<br><br>• Penganjuran majlis/ acara diadakan di luar kampus<br><br>• Pakej ini tidak termasuk harga sewa bilik seminar/ dewan<br><br>• Tempahan dibuat melalui perkhidmatan katerer | • Peserta dikalangan kakitangan/pelajar dalam dan luar (bukan warga universiti) seperti responden/ pesakit yang dibiayai oleh peruntukan universiti/ PTJ<br>Contoh;<br>- Program OPKIM di perkampungan tempatan<br>- Aktiviti kerja lapangan penyelidikan yang memerlukan penyediaan jamuan kepada responden | Pagi: RM 5.00<br>Tengahari: RM 10.00<br>Petang: RM 5.00<br>Malam: RM 10.00<br><br>**Atau,**<br>Pakej sehari (maksimum):<br>Pagi - petang: RM 20.00<br>Pagi - malam: RM 30.00<br><br>Tempahan bagi minum malam '*supper*' adalah tidak dibenarkan |
| | | • Peserta terdiri daripada kakitangan/ pelajar dari dalam dan luar (bukan warga universiti) yang dibiayai melalui pendapatan yang dijana (yuran dan sumbangan yang diterima dari pihak luar)<br>- Penggunaan geran penyelidikan adalah tertakluk kepada peraturan pemberi dana. | Pagi: RM 5.00<br>Tengahari: RM 15.00<br>Petang: RM 5.00<br>Malam: RM 15.00<br><br>**Atau,**<br>Pakej sehari (maksimum):<br>Pagi - petang: RM 25.00<br>Pagi - malam: RM 40.00<br><br>Tempahan bagi minum malam '*supper*' adalah tidak dibenarkan |
| **4.** | **Mengadakan Seminar / Bengkel / Kursus/ Aktiviti Pelajar/ Penyelidikan (Menggunakan kemudahan Puri Pujangga, hotel atau yang setaraf)**<br><br>• PTj digalakkan menggunakan perkhidmatan yang disediakan di dalam kampus seperti;<br>- Hotel Puri Pujangga, UKM<br>- Kelab Golf Danau<br><br>• Perkhidmatan Pusat latihan 1 Malaysia dan juga hotel setaraf juga adalah | | Kadar yang dibenarkan masih tertakluk kepada **Pekeliling Bendahari Bil 3/2012 Kadar Kelayakan Pakej Hotel dan Kadar Keraian Pensyarah/ Professor Pelawat** |

<table>
<tr><th>BIL</th><th>KATEGORI</th><th>PENGKELASAN JAMUAN</th><th>KADAR & SYARAT (RM)</th></tr>
<tr><td></td><td>• Perkhidmatan Pusat latihan 1 Malaysia dan juga hotel setaraf juga adalah dibenarkan<br><br>• Caj yang dikenakan adalah secara pakej iaitu sewa bilik seminar dan peralatan, jamuan makan dan bilik penginapan (sekiranya bermalam)</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td rowspan="2">5.</td><td rowspan="2">Majlis Rasmi/ Perasmian<br><br>• Penganjuran majlis/ acara diadakan di dalam kampus<br><br>• Tempahan dibuat melalui perkhidmatan katerer<br><br>• Kadar yang dibenarkan bagi penganjuran majlis/ acara rasmi utama Universiti adalah tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa penganjur dan kelulusan Pengarah Eksekutif Kewangan/ Ketua Jabatan Kewangan PPUKM.<br>Contoh;<br>- Majlis Konvokesyen<br>- Konsert Di Raja<br>- Majlis Ulangtahun UKM<br>- Majlis meraikan pesara<br>- Syarahan Umum/ Perdana<br>- Jamuan Tahunan Kolej-kolej Kediaman</td><td>• Majlis yang dihadiri oleh warga kampus dan bersifat protokol (tanpa tetamu VIP dari luar)<br>Contoh;<br>- Majlis Robbing pelajar PhD<br>- Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang<br>- Aktiviti Minggu Keselamatan Kesihatan & Pekerjaan PPUKM</td><td>Pakej jamuan;<br><br>Minum pagi atau petang:<table><tr><td>VIP</td><td>RM 10.00 /pax</td></tr><tr><td>Tetamu</td><td>RM 7.00 /pax</td></tr></table>Makan tengahari:<table><tr><td>VIP</td><td>RM 15.00 /pax</td></tr><tr><td>Tetamu</td><td>RM 10.00 /pax</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>• Majlis yang dihadiri oleh tetamu VIP dari luar (bukan warga universiti) dan bersifat protokol seperti;<br>Contoh;<br>- Majlis rasmi menandatangani MOU</td><td>Pakej jamuan;<br><br>Minum pagi atau petang:<table><tr><td>VIP</td><td>RM 15.00 /pax</td></tr><tr><td>Tetamu</td><td>RM 10.00 /pax</td></tr></table>Makan tengahari:<table><tr><td>VIP</td><td>RM 20.00 /pax</td></tr><tr><td>Tetamu</td><td>RM 15.00 /pax</td></tr></table></td></tr>
<tr><td rowspan="2">6.</td><td rowspan="2">Meraikan tetamu luar<br><br>• Tempahan dibuat melalui perkhidmatan katerer<br><br>• PTj adalah digalakkan menggunakan kemudahan Hotel Puri Pujangga dan Kelab Golf Danau atau di hotel-hotel yang setaraf<br><br>Klasifikasi tetamu luar;<br>• Pensyarah/ Profesor pelawat<br>• Pemberi dana<br>• Lawatan khas dari luar berkaitan aktiviti penjanaan</td><td>• Majlis/ acara diadakan di dalam kampus bagi meraikan tetamu luar dengan menggunakan khidmat katerer</td><td><table><tr><td>Pagi</td><td>RM 5.00</td></tr><tr><td>Tengahari</td><td>RM 10.00</td></tr><tr><td>Petang</td><td>RM 5.00</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>• Majlis/ acara diadakan di luar kampus seperti di Hotel Puri Pujangga, Kelab Golf Danau atau hotel yang setaraf</td><td>Kadar yang dibenarkan masih tertakluk kepada Pekeliling Bendahari Bil. 3/2012 Kadar Kelayakan Pakej Hotel dan Kadar Keraian Pensyarah/ Profesor Pelawat</td></tr>
</table>